

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

STP311 - Penyelidikan Kerja Sosial

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Sila jawab **SEMUA** soalan di Bahagian ini di ruang yang disediakan. Tiap-tiap jawapan yang betul akan diberikan satu markah. Bahagian II **MESTI** dijawab di atas kertas jawapan yang diberikan.

BAHAGIAN I [20 markah]

Pilih **BETUL** atau **SALAH** bagi tiap-tiap jawapan.

- _____
- _____
- _____
- _____
- _____
1. Penyebaran Deduktif (Deductive Reasoning) membuat sesuatu kesimpulan dari sesuatu yang umum kepada sesuatu yang terperinci.
 2. Bagi menjelaskan sesuatu fenomena penyebaran induktif (inductive reasoning) menggunakan pemerhatian yang terperinci untuk membuat pemerhatian yang umum.
 3. Ada di antara teori-teori dalam kerja sosial sungguh berkesan dan mempunyai asas empirisme yang kukuh contohnya seperti teori psikoanalisis.
 4. Penyelidikan kerja sosial mengambil kira isu-isu yang ada hubungannya dengan etika sosial dan tidak bertanggung jawab ke atas isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan sesuatu program sosial.
 5. Salah satu daripada objektif penyelidikan yang dijalankan dalam kerja sosial ialah menilai amalan kerja sosial yang telah dilaksanakan oleh sesuatu pihak dan bukan untuk menilai intervensi kerja sosial yang kita amalkan.

...2/-

[STP 311]

Angka Giliran: _____

- _____ 6. Unit-unit penganalisan ditujukan kepada artifak-artifak sosial atau sistem-sistem klien yang akan kita selidiki.
- _____ 7. Dalam penganalisan proposal sesuatu penyelidikan, cara-cara bagaimana penganalisan data itu dibuat haruslah dijelaskan dengan terperinci.
- _____ 8. Kaedah percontohan (sampling) terbahagi kepada tiga jenis: percontohan probabiliti, percontohan tidak probabiliti, dan percontohan sistematik.
- _____ 9. Percontohan bermaksud mengambil kira kesemua subjek yang telah dikenalpasti untuk tujuan penyelidikan.
- _____ 10. Walaupun variabel kita tidak jelas, kita masih boleh mendapat reliabiliti yang kuat dan kukuh.
- _____ 11. Reliabiliti merupakan sejenis pengukuran yang membezakan sejauh manakah tahap maklum-balas sesuatu variabel yang diukur itu berlainan di antara satu sama lain.
- _____ 12. Reliabiliti bermaksud menggunakan ukuran yang konsisten.
- _____ 13. Skala boleh digunakan dalam kaedah temubual dan soal-selidik dan kadangkala digunakan dalam kaedah pemerhatian.
- _____ 14. Dalam intervensi kerja sosial, klien boleh mengawasi dirinya sendiri bagi proses pemungutan data untuk tujuan penyelidikan.
- _____ 15. Prinsip-prinsip saintifik yang digunakan dalam penyelidikan kerja sosial berlandaskan kepada langkah-langkah yang bersistematik, penyebaran, provisionaliti, dan objektiviti.
- _____ 16. Teori dan kaedah-kaedah penyelidikan digunakan dalam membentuk pengetahuan samada menerusi deduktif atau induktif.
- _____ 17. Pekerja sosial tidak perlu mempunyai pengetahuan yang banyak tentang penyelidikan kerana biasanya kita tidak terlibat dengan apa jua corak penyelidikan yang akan dijalankan nanti.

[STP 311]

Angka Giliran: _____

- _____ 18. Bentuk-bentuk sistem tunggal (single-system designs) bergantung kepada kelakuan yang perlu diukur dari masa ke semasa.
- _____ 19. Ukuran yang dibuat sebelum intervensi kerja sosial itu dijalankan di dalam bentuk-bentuk sistem tunggal dipanggil garis permulaan atau "baseline".
- _____ 20. Bentuk-bentuk sistem tunggal boleh dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu tinjauan, diskriptif dan penjelasan.

BAHAGIAN II [80 markah]

Jawab **EMPAT (4)** soalan daripada ENAM (6) soalan yang diberikan. Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Bincangkan perbezaan di antara pendekatan kuantitatif dan kualitatif yang dijalankan dalam bidang kerja sosial. Sertakan contoh-contoh dalam perbincangan anda itu.

[20 markah]

2. Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan semasa menjalankan penyelidikan kerja sosial. Jelaskan kaedah-kaedah tersebut dan apakah limitasi-limitasi setiap kaedah tersebut.

[20 markah]

3. Bentuk-bentuk Sistem Tunggal (Single-System Designs) mula diberikan perhatian dalam intervensi kerja sosial:

- (a) Bincangkan rasional dan penggunaannya di dalam kerja sosial.

- (b) Bincangkan serta berikan contoh bagi setiap bentuk sistem tunggal tersebut.

[20 markah]

4. Bilangan kaum wanita yang dijangkiti oleh virus HIV/AIDS telah mula meningkat di Malaysia. Anda dikehendaki menjalankan satu penyelidikan sejauh manakah kaum wanita di Malaysia memahami akan kesan HIV/AIDS ke atas diri, anak dan keluarga mereka.

Bincangkan apakah komponen-komponen yang perlu dikemukakan dalam menyediakan proposal penyelidikan seperti ini.

[20 markah]

...5/-

[STP 311]

5. Encik Muzafar seorang rakyat Bangladesh baru saja menerima berita akan kematian isterinya. Berlandaskan kepada beberapa faktor beliau tidak mempunyai keupayaan untuk pulang ke negaranya. Pada masa yang sama Encik Muzafar telah dilaporkan tidak dapat memberi perhatian yang penuh ke atas kerjanya dan ini telah mengganggu kefungsiian sosial beliau.

Encik Muzafar telah dirujuk kepada anda oleh seorang doktor di Hospital Besar di mana anda bekerja dan memerlukan intervensi kerja sosial selama enam minggu. Pada dua minggu pertama tahap tekanan perasaannya berada di tahap yang membimbangkan. Dalam minggu keempat dan seterusnya Encik Muzafar telah mula menunjukkan kemajuan yang begitu baik sekali. Berlandaskan kepada senario ini:

- (a) Gunakan bentuk sistem tunggal AB dan jelaskan bagaimana anda boleh menjalankan intervensi kerja sosial ini.
- (b) Jelaskan definisi dan operationalisasi yang perlu ditekankan dalam intervensi kerja sosial ini.
- (c) Kemukakan grafik yang sesuai bagi intervensi kerja sosial anda.
- (d) Apakah kelemahan-kelemahan dengan penggunaan bentuk sistem tunggal AB ini.

[20 markah]

6. Bincangkan kepentingan penyelidikan kerja sosial untuk pekerja sosial. Perbincangan anda haruslah merangkumi:

- (a) Nilai-nilai yang terdapat dalam pendekatan saintifik.
- (b) Perhubungan antara teori dan penyelidikan.
- (c) Isu-isu etika bagi amalan kerja sosial.
- (d) Kegunaan atau peranan penyelidikan itu dalam amalan kerja sosial.

[20 markah]